



## MISI MENAWAN KINABALU

Oleh: Norhidayah Ismail, Norhisham Ismail & Ja'izah Abdul Jabar

Suatu petang aku terbaca satu risalah berkenaan “Misi Menawan Kinabalu” di papan notis. Hatiku terdetik, inilah masanya untuk mencabar diriku melakukan sesuatu yang lain. Sebelum tibanya hari bersejarah itu, aku perlu menjalani beberapa siri latihan stamina. Misi ini memerlukan stamina yang tinggi. Antara latihan yang aku jalani adalah seperti larian jarak jauh, latihan kardio dan mendaki gunung.

Selain stamina yang tinggi, setiap pendaki juga perlu menimba ilmu berkaitan pendakian gunung bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diinginkan berlaku. Sebagai contoh, setiap pendaki perlu tahu bagaimana menguruskan beg dan kelengkapan mendaki gunung. Jika beg terlalu berat, ia boleh merencatkan pendakian tersebut dan jika kelengkapan yang dibawa tidak mencukupi, ia juga boleh mendatangkan masalah semasa pendakian.

Sehari sebelum pendakian, aku dibawa ke kaki gunung Kinabalu dengan menaiki bas mini dari lapangan terbang Kota Kinabalu. Aku diberitahu misi ini akan bermula seawal jam 6 pagi esoknya. Malam itu, kami hanya berehat dan menikmati kesejukan angin malam Kinabalu.



Tepat jam 6 pagi hari tersebut, kami berkumpul di Kinabalu Park dan malim gunung memberi taklimat ringkas sebelum memulakan pendakian. Malim gunung mengingatkan kami untuk memakai ponco kerana hujan sering turun sepanjang perjalanan menuju ke puncak. Semakin tinggi gunung didaki, suhu persekitaran semakin sejuk namun ia tidak melemahkan semangatku.

Kami berhenti di tempat berkumpul yang pertama untuk berehat sebentar dan mengisi perut. Di sini, aku berjumpa dengan kumpulan pendaki dari Jepun yang turut mengagumi keindahan Gunung Kinabalu. Pendakian diteruskan sehingga ke Laban Rata, iaitu tempat pengumpulan kedua. Kami

bermalam di sini sebelum meneruskan pendakian keesokan harinya untuk ke puncak. Pendakian memakan masa 2 hari untuk sampai ke puncak.

Pendakian pada hari kedua lebih mencabar kerana kami perlu mendaki seawal jam 4 pagi. Kami mendaki di dalam kegelapan malam hanya dengan berbekalkan bantuan lampu suluh dan tali pandu arah. Kami tiba di puncak selepas 3 jam mendaki dan kami berpeluang melihat keindahan matahari terbit di puncak gunung. Pemandangan di atas puncak sangat cantik dan mengagumkan. Kami menikmati pemandangan ini dengan sepenuhnya sebelum memulakan perjalanan turun ke kaki gunung. Kami perlu sampai di kaki gunung sebelum jam 7 malam.



Ini merupakan pengalaman yang paling berharga buatku dan tidak dapat aku lupakan.

